



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1623

**AKTA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH
(PINDAAN) 2020**

Tarikh Perkenan Diraja 10 Oktober 2020

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 22 Oktober 2020

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1623

AKTA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2020

Suatu Akta untuk meminda Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [*Akta 55*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif “prosiding” takrif yang berikut:

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain;’.

Pindaan seksyen 3

3. Subseksyen 3(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (f) dengan perenggan yang berikut:

“(f) Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;”.

Pindaan seksyen 4

4. Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) bagi mengawal selia dan menetapkan tatacara dan amalan yang hendaklah diikuti di Mahkamah Rendah dalam segala kausa dan perkara apa jua pun dalam atau yang berkenaan dengan pendengaran apa-apa perkara atau prosiding melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh;”.